

# Pekerja rosakkan jentera syarikat pembalakan dipenjara setahun

**SIBU:** Seorang pekerja kem balak dijatuhi hukuman penjara setahun oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam setelah disabitkan atas pertuduhan melakukan khianat dengan merosakkan jentera berat milik sebuah syarikat pembalakan di Kapit.

Stephenus Amin, 58, yang mengaku bersalah terhadap pertuduhan, diperintah menjalani hukuman penjara itu bermula daripada tarikh dia ditangkap iaitu 12 April lepas.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa melakukan khianat dengan merosakkan jentera berat iaitu jentolak milik syarikat pembalakan sehingga menyebabkan syarikat mengalami kerugian RM898 di rumah pekerja kem Sungai Sengkuang pada 12 April 2024, kira-kira jam 1.30 petang.

Sehubungan itu, Stephenus telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 427 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara tidak kurang satu tahun dan tidak lebih lima tahun atau keduanya jika sabit kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, pada hari kejadian pengadu yang juga pengurus kem telah menegur tertuduh supaya tidak minum arak semasa waktu bekerja, menyebabkan tertuduh mengamuk dan ingin melanggar pengadu dengan jentera berat.

Pengadu mengalami luka jari kanan semasa cuba menyelamatkan diri dan telah

membuat laporan polis untuk tindakan lanjut.

Pada hari sama kira-kira jam 4.47 petang di rumah pekerja kem, pihak polis telah menangkap tertuduh yang juga seorang warga asing.

Hasil siasatan mendapati kejadian berpunca daripada tindakan pengadu menegur tertuduh dan seorang rakan-nya kerana minum arak semasa waktu bekerja.

Pengadu juga memberitahu tertuduh dan rakannya yang dia akan melaporkan perbuatan tersebut kepada ketua kem untuk memberhentikan mereka jika terus minum arak semasa bekerja.

Semasa pengadu berada di dalam jentera berat yang dipandu rakan tertuduh untuk membuat jalan di kem tersebut, pengadu nampak tertuduh yang memandu sebuah lagi jentera berat meluru laju menuruni bukit sebelum melanggar jentera berat mereka.

Setelah melanggar jentera berat yang dinaiki pengadu beberapa kali, tertuduh bertindak menolak bahagian kanan jentera terbabit menyebabkan ia jatuh ke jurang sedalam lima meter.

Pengadu bersama pemandu jentera berat terbabit sempat terjun keluar bagi menyelamatkan diri.

Sehubungan itu, tertuduh telah melakukan khianat dengan merosakkan dua jentera berat syarikat sehingga menyebabkan kerugian bernilai RM898.